

25 AUG 1999

Festival-Kebangsaan

FESTIVAL BELIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Pameran kereta Formula 1, pertandingan teh tarik, persembahan bunga api dan hiburan artis-artis popular merupakan antara program menarik untuk orang ramai pada Festival Belia dan Perbarisan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-42 selama dua hari bermula Sabtu ini.

Pengerusi festival, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata festival itu akan diadakan di Bangsar Square dan sekitar Jalan Telawi di sini dengan acara kemuncaknya pada hari Ahad dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kali pertama kita adakan festival sebegini bagi memberi peluang kepada anak-anak muda menyertai acara yang menyedarkan mereka akan kepentingan Hari Kemerdekaan supaya dapat memikul tanggungjawab mengisi dan mempertahankan kemerdekaan negara," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Shahrizat, festival bertemakan 'Kejayaan lalu inspirasi alaf baru' itu akan menyaksikan pelbagai kegiatan termasuk sukan jalanan, bazar dan pameran peralatan sukan, gerai makanan, persembahan pentas serta perarakan Merdeka selama kira-kira dua jam.

Hampir 2,200 peserta yang mewakili 45 kontinjen perbarisan akan menjayakan Perarakan Merdeka selepas upacara perasmian pada sebelah malam Ahad ini termasuk kehadiran istimewa kontinjen negara yang memenangi 57 pingat emas pada Sukan SEA ke-20 di Brunei minggu lepas.

Antara artis terkemuka yang akan turut serta menjayakan persembahan pentas ialah Ziana Zain, M Nasir, A to Z, Innuendo, Mas Idayu dan ramai lagi.

Menurutnya, pelayar 'Jalur Gemilang' Datuk Azhar Mansor adalah antara tetamu yang akan menghadiri festival belia itu yang mempamerkan sumbangan generasi muda dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, jika sambutan yang diberikan terhadap festival seumpama itu begitu menggalakkan, ada kemungkinan ia akan dijadikan acara tahunan serta diadakan di seluruh negara.

-- BERNAMA

MS zb